

Headline	TNB baik pulih elektrik di Loji Air Semangar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	15
ArticleSize	145 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,222		



TNB baik pulih elektrik di Loji Air Semangar

JOHOR BAHRU - Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedia melakukan sambungan bekalan elektrik sebaik sahaja kerja baik pulih di Loji Air Semangar, Jalan Kulai-Kota Tinggi yang terbakar pada Selasa lalu selesai.

TNB dalam satu kenyataan pada Rabu berkata, pihaknya akan memberikan kerjasama kepada Ranhill SAJ yang sedang giat menjalankan kerja-kerja baik pulih.

"Semakan TNB mendapati kebakaran yang berlaku hanya melibatkan alat ubah (*transformer*) milik Ranhill SAJ di loji air berkenaan, manakala



Anggota bomba melakukan kerja-kerja pemadaman kebakaran di sebuah bilik selepas dua *transformers* terbakar di Loji Air Semangar, Jalan Kulai-Kota Tinggi, Kota Tinggi pada Selasa.

pepasangan dan bekalan elektrik TNB berada dalam keadaan baik," menurut kenyataan itu.

Dua unit *transformers* di Loji Air Semangar terbakar pada Selasa hingga mengakibatkan

gangguan bekalan air di 100 buah kawasan melibatkan lebih lima daerah.

Bagaimanapun, kebakaran itu tidak melibatkan kecederaan atau kemalangan jiwa.